



AMALAN PENGAJARAN TAJWID GURU PENDIDIKAN ISLAM

[TAJWEED TEACHING PRACTICES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS]

SITI ESHAH BASRI¹ & KHADIJAH ABDUL RAZAK¹

^{1*}* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.
Email: sitieshah1991@gmail.com; khadijah.razak@ukm.edu.my

Corespondent Email: khadijah.razak@ukm.edu.my

Received: 11 June 2023

Accepted: 5 July 2023

Published: 2 August 2023

Abstrak: Tunjang pengajaran al-Quran adalah dengan menguasai hukum tajwid. Penguasaan ilmu tajwid mengukuhkan lagi nilai ilmu al-Quran yang dimiliki setiap guru. Tujuan kajian ini dijalankan untuk meneroka amalan pengajaran guru berkaitan pendidikan tajwid. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes di daerah Kemaman, Terengganu. Tiga orang peserta kajian telah dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan yang merupakan guru Pendidikan Islam di daerah tersebut. Sesi temu bual telah dilaksanakan menggunakan satu set protokol temubual yang telah disahkan oleh seorang pakar Pendidikan Islam. Temu bual dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *zoom* dan *voice whatsapp*. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran memerlukan satu perancangan yang terancang, bermula dengan penyediaan rancangan pengajaran, diikuti permulaan yang sistematik dengan set induksi. Kemudian perkembangan proses pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup dan berakhir dengan refleksi pengajaran. Implikasi yang diperoleh daripada kajian ini antaranya menuntut guru Pendidikan Islam memastikan pengajaran dan pembelajaran kemahiran dalam ilmu tajwid lebih mantap dan lebih baik dari semasa ke semasa dan dapat membantu guru lain meningkatkan amalan pengajaran, terutamanya dalam pengajaran tajwid al-Quran yang boleh menghasilkan pengajaran yang efektif dan berkualiti tinggi.

Kata kunci: amalan, pengajaran, tajwid, guru Pendidikan Islam.

Abstract: The teaching of the Qur'an is based on the ruling of Tajweed. The mastery of Tajweed knowledge reinforces the value of Quranic knowledge that every teacher has. The purpose of this study was to explore the teaching practices of Teachers related to Tajweed education. This study uses qualitative approach with Case Study Design in Kemaman District, Terengganu. Three study participants were selected based on sampling aimed at Islamic education teachers in the district. The interview session was conducted using a set of interview protocols that had been verified by an Islamic education expert. The interview was conducted online via zoom and voice whatsapp. The findings showed that the implementation of teaching and learning (Pdp) requires a well-planned planning, starting with the preparation of lesson plans, followed by a systematic start with induction sets. Then, the development of the teaching process, the development of teaching, cover and end with the reflection of teaching. Implications derived from this study, among others, require Islamic education teachers to ensure teaching and learning skills in Tajweed knowledge more robust and better from time to time and can help other teachers improve teaching practices, especially in the teaching of Tajweed Al-Quran that can produce effective teaching and high quality..

Keywords: practice, teaching, tajwid, Islamic Education teacher

Cite This Article:

Siti Eshah Basri & Khadijah Abdul Razak. 2023. Amalan Pengajaran Tajwid Guru Pendidikan Islam [Tajweed Teaching Practices of Islamic Education Teachers]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(4), 1-15.

PENGENALAN

Generasi yang kamil memerlukan pengajaran yang baik. Sebagaimana dinyatakan oleh Pandiangan (2019), pendidikan adalah alat yang sangat penting untuk membina pemikiran dan karakter manusia di setiap negara. Pendidikan yang berkualiti tinggi dalam sistem pendidikan negara boleh memenuhi keperluan dan harapan semua rakyat, lebih-lebih lagi penambahbaikan berterusan adalah penting. PPPM 2013–2025 menganjurkan transformasi pendidikan supaya guru sentiasa bersedia mengaplikasikan pelbagai sumber yang sedia ada bagi menangani cabaran untuk menyampaikan pengetahuan dengan cara yang lebih bertepatan dengan perkembangan terkini (Asma et al. 2020). Pembentukan insan yang produktif boleh dicapai melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Hal ini demikian kerana pembelajaran dan pengajaran yang berkesan boleh meningkatkan prestasi pembelajaran murid serta menggilap kemahiran insaniah mereka (Fatahiyah et al. 2018).

Kajian Zetty Nurzuliana et al. (2015) menyatakan amalan pengajaran tajwid al-Quran merupakan pengajaran yang berbentuk kemahiran. Kemahiran yang ingin diajar perlu penekanan terhadap aspek arahan, penyelesaian terhadap kesalahan murid dan demonstrasi. Namun begitu, dapatan kajian oleh Muhamad et al. (2019) mendapati bahawa amalan *talaqqi* dan *musyafahah* kurang dipraktikkan oleh guru Pendidikan Islam ketika membahaskan komponen tajwid al-Quran dalam pengajaran tilawah. Bagi memastikan al-Quran terpelihara dari penyelewengan dan ketidaktepatan seperti yang Allah SWT telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, Guru yang berkemahiran diperlukan bagi melancarkan proses mempelajari dan membaca al-Quran dengan lebih tepat dengan sebutan yang benar (Manna al-Qattan 1999; Mohd Aderi et al. 2014; Yusof et al. 2019).

Sebuah kajian lain mendapati bahawa beberapa GPI menghadapi masalah dengan penguasaan tajwid. Hal ini berlaku kerana mereka kurang hadam tentang isi kandungan yang perlu dikuasai dalam pengajaran tajwid al-Quran. Akibatnya, tidak dapat dicapai objektif pembelajaran sepenuhnya (Jahidah et al. 2019). Kebanyakan murid tidak memahami konsep asas dalam hukum tajwid dan tidak mengingati nama hukum tajwid (Muhammad Amirul et al. 2021). Contohnya, kesalahan dari segi bacaan keperluan sebutan yang wajib dengung dan sebutan yang tidak perlu untuk didengungkan dalam bacaan tertentu. Ini menunjukkan dalam kalangan murid, tahap penguasaan terhadap tajwid lemah khususnya dari segi pemahaman konsep hukum tajwid.

Murid memerlukan guru untuk membimbing mereka sepanjang proses pembelajaran dalam membentuk pengajaran dan pembelajaran yang lebih produktif (Fajriani 2018; Mohd Aderi et al. 2019). Perancangan yang telah digarapkan akan tersasar dari garis panduan yang telah disediakan dan akan memberi implikasi kepada perancangan terhadap pengajaran akibat daripada kelemahan guru apabilauraian sukatan pelajaran dirujuk (Norma & Mohd Isa 2020). Amalan pengajaran, guru berkemahiran, kaedah pengajaran, BBM dan pelaksanaan strategi

antara aspek yang boleh dipersoalkan menunjukkan tahap pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru KAFA (Bani Hidayat & Nor Hayati 2018).

Kajian ini wajar untuk dilaksanakan kerana implementasi amalan pengajaran tajwid memerlukan proses yang khusus bagi memastikan murid memahami pengajaran yang lebih mendalam dan benar. Maka, tujuan dijalankan kajian ini untuk meneroka amalan pengajaran tajwid terhadap komponen permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran. Hasil kajian diharap dapat membantu usaha menambahkan mutu proses dalam menyampaikan ilmu mereka dengan menjadi rujukan kepada guru dan penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik.

KAJIAN LITERATUR

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran

Guru bersedia untuk merancang dengan teliti sebelum memulakan sesi pengajaran merupakan amalan guru yang cekap dalam melaksanakan tugas. Didikan secara berterusan dan konsep mengajar diutamakan (Azmil et al. 2015; Mohd Aderi et al. 2015). Persediaan mengajar yang efektif memerlukan persediaan sebelum, semasa dan selepas pengajaran (Ni Made et al. 2020). Persediaan merupakan aspek yang penting termasuk sesi permulaan pengajaran iaitu termasuk set induksi, perancangan perkembangan pengajaran dengan pelbagai aktiviti yang kreatif dan inovatif perlu disediakan dan sesi penutup yang melibatkan bimbingan kepada setiap murid untuk membuat rumusan di akhir pengajaran. Tahap kelemahan pada murid dapat dikenal pasti pada sesi refleksi (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2018).

Permulaan Pengajaran

Berpandukan teori al-Qabisi (1955) permulaan pengajaran meliputi komponen set induksi pada permulaan pengajaran, perancangan pengajaran yang strategik dan objektif pengajaran yang bertepatan. Mulakan sesi yang dapat menarik minat murid merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Pengajaran yang disampaikan oleh guru akan lebih diminati dan murid dapat menumpukan perhatian sepenuhnya (Anuar & Nelson, 2015). Permulaan pengajaran yang efektif boleh membawa kepada sesi pengajaran yang baik dan menarik. Set induksi pada permulaan pengajaran adalah amalan pengajaran yang boleh mendukung murid memahami objektif pengajaran yang akan dijalankan oleh guru sebagaimana yang ditetapkan oleh sukatan yang perlu guru rujuk.

Kajian oleh Norma & Mohd Isa (2020) menyatakan perancangan perlu dibuat dengan bijak oleh guru dan pengajaran tajwid bagi sesi permulaan dengan memahami objektif. Seterusnya, ketika sesi bacaan dengan memantapkan ilmu tajwid. Guru boleh menggunakan set induksi sebagai kaedah pengenalan untuk memulakan pengajaran dan tumpuan serta pemahaman murid amat dititikberatkan kerana ilmu yang dipelajari oleh murid akan terus terpaht dalam pemikiran mereka bergantung pada cara penyampaian guru (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2017). Set induksi yang memberangsangkan terhadap proses penyampaian ilmu antara murid dan guru dapat membina aspek yang penting seperti komunikasi dan hubungan

yang menguntungkan (Misnan et al. 2017) serta impak yang lebih terperinci dapat ditinggalkan (Azwani et al. 2016).

Guru boleh memulakan set induksi dengan amalan bacaan doa dan mendahulukannya sebelum sesi pembelajaran dalam kelas dimulakan. Kajian daripada Siti Suhaila (2016) menunjukkan min yang tinggi iaitu ($\text{min}=4.19$) terhadap bacaan doa sebelum guru memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran pendidikan seks. Agama Islam sangat menggalakkan bacaan doa sebelum memulakan sesuatu majlis ilmu agar keberkatan dapat diperolehi. Di samping itu, fokus berterusan di dalam kelas dan murid sentiasa melibatkan diri secara aktif sehingga sesi pembelajaran berakhir. Oleh itu, set induksi boleh membantu murid sentiasa aktif dan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada subjek yang akan dipelajari. Perbincangan set induksi boleh mengaitkan pengetahuan dan pengalaman murid semasa perbincangan dan menyumbang garis panduan permulaan tajuk yang akan dibincangkan bersama murid. Kemudian, diperlukan penerangan dalam bidang tajwid secara bertahap (*tadrij*), iaitu secara satu-persatu, beransur-ansur dan secara ringkas (Ibnu Khaldun 2009).

Topik yang diajarkan dibincangkan secara ringkas oleh guru, kemudian memulakan dengan set induksi dengan mengulang bacaan potongan ayat al-Quran dan menerangkan hukum tajwid. Hal ini disebabkan masih memerlukan murid untuk memahami pada penyampaian kali pertama dan kedua (Misnan et al. 2014). Proses pengajaran dilaksanakan kaedah pengulangan oleh Rasulullah SAW dan mulakan pengajaran dengan ringkas dan ringan. Kemudian, mengajar secara berperingkat mengikut kesesuaian (Mohd Aderi 2015). Sebelum memulakan tajuk baru, setiap amalan pengajaran dan pembelajaran yang telah dijelaskan mesti diselesaikan untuk memberi pengetahuan yang mendalam kepada murid (Ibnu Khaldun 2009).

Penutup Pengajaran

Bagi meningkatkan pengetahuan dan mencungkil kebolehan murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, guru harus menerapkan proses pengajaran yang disyorkan dengan mengadakan sesi penutupan yang telah disarankan (Zetty Nurzuliana et al. 2015; Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2017). Terdapat beberapa komponen dan aspek penting yang harus ditekankan oleh guru antaranya murid disediakan tugasan sebagai aktiviti pengukuhan, guru menjadi fasilitator untuk merumuskan pelajaran seperti cara sebutan dan hukum tajwid serta peneguhan juga perlu diberikan. Terlupa dan terbelakang dalam mengetahui hukum tajwid sering berlaku dalam kalangan murid. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, guru perlu sentiasa mengingatkan dan menggalakkan murid untuk mempelajari al-Quran di mana sahaja mereka berada. Di samping itu, penaksiran pada akhir proses pembelajaran untuk melancarkan penilaian sepanjang pelajaran bagi membuat penilaian tahap pengetahuan murid (Norma & Mohd Isa 2020; Sapie Sabilan et.al 2017). Sebarang program pembelajaran yang dilaksanakan perlu difahami dengan terperinci dan diikuti dengan refleksi supaya guru tidak tercicir dalam merekod pencapaian murid sebagai penilaian (Safarina & Norshidah 2018). Hasilnya, guru akan dapat menyampaikan setiap pelajaran mengikut masa yang diperuntukkan menggunakan tahap yang ditetapkan dan pendekatan berstruktur (Anuar & Nelson 2015).

Bahan Bantu Mengajar

Keberkesanan pengajaran guru menggunakan kaedah konvensional atau tradisional juga dipengaruhi oleh instrumen yang mereka gunakan sebagai alat bantu mengajar (Mohd Faeez et al. 2016). Oleh demikian itu, tidak semua alat bantu mengajar sesuai untuk digunakan setiap masa. Contohnya, kaedah tradisional masih membuatkan guru menggunakan alat asas seperti syarah, papan putih dan kapur dalam keadaan yang betul (Sri Andayani 2019). Penggunaan bahan elektronik sebagai inovasi berbanding kaedah ketinggalan zaman dan konvensional sebagai strategi yang lebih baik (Anuar & Nelson 2015; Fatimah & Hasmadi 2019). Murid boleh digalakkan untuk menumpukan perhatian terhadap pembelajaran dan aktif dalam kelas dengan menggunakan alat bantu mengajar elektronik dalam talian dan teknologi lain di dalam bilik darjah seperti versi multimedia Al-Quran (Sulaiman et al. 2018). Bagi meningkatkan semangat dan minat murid terhadap tajwid al-Quran semasa proses pengajaran dan pembelajaran, guru hendaklah menggunakan teknologi komunikasi dengan mempelbagaikan penggunaan alat bantu mengajar (Nurdin 2019).

Oleh itu, guru menjalankan sesi pengajaran dengan cara yang tersusun dan berkesan akan mendapat manfaat daripada penggunaan alat bantu mengajar. Ramai yang berpendapat bahawa kemunculan teknologi yang berkembang pesat, terutamanya dalam membaca al-Quran dapat membantu menyelesaikan cabaran pembelajaran pendidikan Islam (Ramdane & Souad 2017). Kaedah pengajaran berdasarkan teknologi dianggap membantu meningkatkan keupayaan dan motivasi guru dan murid di dalam bilik darjah (Dougherty 2015; Gasaymeh 2017). Selain itu, penyelidikan terdahulu telah menunjukkan bahawa cara terbaik untuk mempelajari al-Quran adalah melalui penggunaan teknologi, terutamanya aplikasi mudah alih seperti multimedia (Imam Fauji et al. 2020). Pembelajaran kendiri dapat ditingkatkan dan juga dapat membantu mengatasi isu masa yang sangat terhad (Yusof et al. 2019).

Kajian daripada Mohd Faeez, Muhamad Faiz dan Kamarul Azmi (2013) menemui apabila wujud dorongan BBM dapat dihasilkan. Sebaliknya dalam dorongan yang diberikan ada juga faktor yang menghalang guru untuk menghasilkan BBM. Menurut kajian mereka mengenai penggunaan BBM dalam kalangan GPI di Sekolah Bestari, apabila guru melihat murid menunjukkan kefahaman dan memberi respons yang baik terhadap mata pelajaran yang diajar, guru akan lebih bersemangat untuk menghasilkan BBM. Apabila penggunaan BBM dapat menjadikan murid lebih memberi perhatian dapat menggembirakan guru. Sebaliknya, masa merupakan isu yang utama bagi guru untuk menghasilkan BBM. Masa merupakan kekangan yang timbul bukan hanya kerana beban kerja guru dan beban aktiviti pengurusan yang perlu guru kendalikan, malah keadaan bilik darjah tidak kondusif yang menyebabkan penyediaan untuk menghasilkan BBM memerlukan PdP lebih lama. Walau bagaimanapun, jika guru berpandangan optimis keseluruhan masalah ini dapat ditangani.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes (Kamarul Azmi 2012; Othman 2019). Pendekatan ini tidak tertumpu kepada data yang banyak tetapi lebih menumpukan kepada kualiti data yang diperolehi (Azizah Hamzah 2010). Penyataan tersebut bertepatan dengan tujuan kajian ini dilaksanakan iaitu meneroka amalan pengajaran kemahiran

bertajwid dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). Kajian ini dijalankan terhadap tiga orang GPI sebagai peserta kajian yang dikenal pasti secara pensampelan bertujuan di dua buah sekolah di Kemaman. Peserta kajian dipilih berdasarkan saranan Creswell (2012) agar pemilihan peserta dan tempat kajian yang mudah dan sesuai untuk diakses. Oleh itu, pengkaji memilih peserta kajian dalam kalangan GPI dalam daerah pengkaji bertugas. Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, tiga orang peserta kajian telah dipilih berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mengajar dalam opsyen Pendidikan Islam.

Peserta pertama adalah guru yang sedang melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah. Peserta kedua dan ketiga pula merupakan guru Pendidikan Islam di sekitar Kemaman. Pemilihan peserta kedua dan ketiga bertujuan mendapatkan maklumat yang kemungkinan berlainan daripada maklumat yang diperolehi dari peserta yang pertama. Bagi tujuan pengumpulan maklumat daripada ketiga-tiga peserta kajian, pengkaji menjalankan dua sesi temu bual (TB1 & TB2) menggunakan protokol temu bual yang merupakan satu set soalan terbuka yang memerlukan penerangan dan pendapat dari responden berkenaan kaedah PdP serta intervensi yang dilaksanakan di sekolah masing-masing. Protokol temu bual tersebut juga telah dinilai dan diteliti oleh seorang pakar dalam bidang Pendidikan Islam supaya hasil daripada temu bual tersebut dapat menjawab persoalan kajian. Rekod temu bual yang telah dijalankan dianalisis dengan menggunakan kaedah transkripsi perbualan secara manual bertujuan menganalisis kandungan seterusnya membina tema. Proses ini dikenali sebagai proses mentafsir data secara induktif iaitu membaca transkripsi dahulu kemudian membina kod yang difikirkan sesuai (Othman 2019).

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Ketiga-tiga responden merupakan Guru Pendidikan Islam (GPI) dari dua buah sekolah menengah daerah Kemaman. Tiga orang GPI yang menjadi responden kajian akan dirujuk sebagai Peserta Kajian (PK) iaitu PK 1, PK 2 dan PK 3. PK 1 dan PK 2 adalah GPI di SMK1. PK 3 pula adalah guru Pendidikan Islam bagi SMK 2. PK1 merupakan guru kanan Pendidikan Islam.

Jadual 1 Profil Responden

Responden	Sekolah	Jantina	Pengalaman	Opsyen	Jawatan
PK 1	SMK1	P	8 tahun	Guru Kanan Pendidikan Islam	GPI
PK 2	SMK1	P	14 tahun	Pendidikan Islam	GPI
PK 3	SMK2	P	7 tahun	Pendidikan Islam	GPI

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian menitikberatkan terhadap penyediaan bahan bantu mengajar dalam merancang pengajaran. Bahan maujud dan bukan maujud merupakan dua

kategori merupakan antara bahan mengajar yang guru sediakan. Penggunaan bahan bantu mengajar yang berciri bukan maujud lebih banyak diaplikasikan. Contohnya, PK2 mengimbas QR kod untuk mengakses bacaan daripada buku teks bagi diperdengar kepada murid. Beliau menyatakan;

Biasanya slide powerpoint ataupun audio kalau untuk bacaan al- Quran tu kita perdengarkan lah bacaan tu dan sekarang ni pun kan dekat buku teks ada QR code kan. Jadi kadang bila ada QR code tu saya scan QR code dan ada bacaan dia. Jadi kita suruh lah murid dengar melalui QR kod tu (TBU/PK2/B2:3)

Ini menunjukkan bahawa peserta kajian seperti PK1 menggunakan bahan maujud seperti buku tajwid *cordova* sebagai penyediaan BBM. PK3 menggunakan bahan cetak seperti kad imbas dan menggunakan buku teks untuk menggunakan gambar yang ada. PK1 dan PK2 mengajar di luar bandar. Kebanyakan murid memerlukan perhatian dari segi bimbingan kerana mereka lemah dalam subjek tajwid. Oleh itu diandaikan daripada penjelasan mereka;

Saya ingat saya menggunakan buku tajwid Cordova. Kaedah Cordova. Mahir Tajwid. Buku ni apa yang beza dia dengan iqra. Kalau iqra' kita. Sini budak kampung ramai, jadi ramai yang lemah dalam aplikasi tajwid. Kena guna buku yang mudah (TBU/PK1/B1:8)

“BBM yang mudah disediakan oleh guru. Contoh flash card tulisan tangan. Gambar print out dari internet. (TBU/PK3/B3:6)

Koherensi topik dilihat oleh PK 2 untuk menentukan menggunakan BBM. Contohnya untuk membezakan hukum tajwid, PK 2 menggunakan buku tajwid yang melabel setiap huruf dengan warna mengikut hukum tajwid. Warna boleh membuatkan murid tidak bosan dan menarik minat mereka.

“biasanya yang lain kita pancar ni lah slide powerpoint tu lah ataupun kalau macam tajuk yang biasa guna papang putih lah ha papang putih tu untuk bagi keterangan ataupun masa kita suruh pelajar buat pembentangan apa semuanya kita tengok lah” (TBU/PK2/B2:4)

Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah pelaksanaan proses yang sistematik yang digunakan oleh guru untuk memberi pengetahuan, pertumbuhan, kemahiran dan nilai kepada murid. Perkembangan pengajaran yang tersusun, kemudian dituruti perkembangan pengajaran. Seterusnya penutup yang diakhiri dengan refleksi pengajaran.

Set Induksi

Bagi menarik minat murid dan murid lebih bersedia, proses pengajaran dan pembelajaran harus dimulakan dengan pengajaran yang menarik. Dapatkan kajian menunjukkan PK1 sentiasa istiqamah memastikan murid mengulang bacaan dengan bertajwid supaya murid sentiasa mengulang bacaan yang betul dan mengingati hukum tajwid.

“mulalah PDPC kita dulu dengan bacaan al-Quran supaya kita dah ulang ulang lah sampai budak tu dah jadi lancar dan tak tergagap dan yakin baca ayat al-Quran. (TBU/PK1/B1:32)

Perkembangan Pengajaran

Memahami objektif pembelajaran adalah langkah pertama dalam proses perkembangan pengajaran. Didapati dapatkan kajian, setiap peserta kajian memahami objektif pembelajaran untuk topik yang diajar. PK2 menjalankan latihan pengukuhan dengan membahagikan kumpulan agar murid-murid dapat mencari sendiri jawapan bagi tajuk yang telah dipelajari. Tamsilnya, pengajaran berkaitan topik hukum *Nun Sakinah*. Beliau menjelaskan;

“Pengukuhan yang murid tak perasan. Kita akan ulang benda yang sama tapi dalam bentuk pembahagian tugas. Sebab kalau kita ambil contoh Nun Sakinah. Dia dah mengeluarkan lima enam hukum dah kan.. Akhirnya masa perkembangan ni pelajar faham lah apa objektif.” (TBU/PK2/B1:87)

Perkembangan pengajaran dijalankan secara bertahap bermula dari yang paling mudah kemudian diikuti dengan komponen yang semakin kompleks. Sebagai contoh, PdP yang melibatkan bacaan al-Quran yang betul dan hukum tajwid. Murid akan menghafal hukum tajwid yang diberikan, kemudian disoal oleh guru dan ada juga yang diberi arahan dan guru memantau murid untuk menjawab soalan secara berpasangan.

Penutup Pengajaran

Dapatkan kajian yang diperolehi menunjukkan penutup pengajaran dibuat oleh semua peserta kajian. Namun demikian, kesemua peserta kajian melaksanakan penutup yang hampir serupa. Sesi soal jawab telah dijalankan oleh setiap peserta kajian mengenai topik yang telah murid belajar pada masa tersebut. Pada hujung pelajaran, murid diuji untuk menilai tahap kefahaman mereka. Latihan pengukuhan seperti latihan bertulis diberikan oleh PK1 dan PK2 selain daripada sesi soal jawab. Berikut pernyataan daripada PK1 dan PK2 untuk memahami perkara ini:

“buat sesi soal jawab sebabnya kita nak tengok dia faham atau tidak setakat mana dia faham apa yang kita sampaikan biasanya kalau ataupun kita bagi latihan secara bertulis tengok dia faham ke dok, boleh jawab ke dok soalan yang kita.” (TBU/PK1/B1:46)

Refleksi pengajaran

Dapatkan bagi refleksi pengajaran memperlihat pelaksanaan berikutnya terhadap perspektif refleksi diberi keutamaan oleh setiap peserta kajian. Pengajaran yang masih tidak dikuasai oleh murid dicatat bilangan murid tersebut oleh PK 1. Tugasan dan tumpuan diberikan kepada murid yang lemah dari aspek pengajaran. Murid yang memahami topik dikenal pasti oleh PK 1 kerana mereka tidak perlu diberi perhatian dan hanya dipantau secara umum sahaja. Beliau menjelaskan;

“So setakat ni, berapakah murid yang mencapai objektif dan bagaimana dengan murid yang lemah. So pengukuhan lah kita akan tulis. tiga murid masih lagi lemah dan perlukan bimbingan” (TBU/PK1/B1:26)

PK3 menyatakan murid bukan semata-mata belajar ilmu tajwid tetapi perlu dipraktikkan ketika membaca al-Quran. Jelas beliau:

“Pelajar dapat aplikasi ilmu tajwid dalam bacaan al- Quran” (TBU/PK3/B3:51)

Penilaian Semasa dan Selepas Pengajaran

Dapatkan kajian menunjukkan PK1 memberi arahan kepada murid untuk menukar buku antara rakan mereka untuk menilai sejauh mana kefahaman murid. Pernyataan beliau;

“Okay kita dah ada buku ikut subtopic dan penilaian dia kita boleh tengok bila kita tukar buku kawan sebelah tukang tanda. Kita pun akan tengok dari segi sejauh mana kefahaman murid berapakah dia betul, markah dia betulSo dari segi penilaian dia tu kita tengok hasil aktiviti dia menjawablah setelah kefahaman tu.” (TBU/PK1/B1:25)

Bagi mengukuhkan kefahaman murid, bimbingan rakan sebaya telah dicadangkan oleh PK3. Sebagai contoh:

“Untuk menilai tahap kefahaman murid kalau ada pelajar tak faham, bimbingan murid yang ok untuk bantu yang lemah” (TBU/PK3:B14)

PERBINCANGAN

Guru Pendidikan Islam (GPI) menunjukkan bahawa mereka telah berhasil dalam melaksanakan pengajaran berkualiti dimulakan dengan keperluan persediaan asas untuk guru hingga diimplementasikan dan tumpuan yang diberikan kepada pengajaran seperti yang dinyatakan oleh Kamarul, Noratikah dan Mohd Faeez (2012); Nadzri dan Nor Fadilah (2017) serta Normiati dan Abdul Said (2019) bahawa kualiti setiap pengajaran daripada guru yang berkemahiran.

Komponen berikutnya berkaitan penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) bergantung pada pengetahuan merupakan pengetahuan asas guru yang perlu dikenal pasti. Setiap peserta kajian mengakui bahawa penggunaan BBM merupakan aspek yang penting. Malangnya, penyediaan BBM tidak mampu dilaksanakan oleh setiap guru. Dapatan kajian ini menunjukkan keutamaan dalam penyediaan BBM kurang diberi perhatian oleh guru disebabkan guru perlu menggunakan masa untuk menghabiskan silibus pelajaran dan kekangan waktu.

Dapatan ini adalah serupa dengan dapatan kajian Mohd Faeez, Muhamad Faiz dan Kamarul Azmi (2013) beban tugas dan masa guru yang terhad untuk menyediakan BBM merupakan antara isu yang dialami oleh guru. Penyediaan BBM yang mudah dan tidak memakan masa yang banyak lebih disukai oleh guru akibat daripada isu masa yang terhad dalam kalangan guru. Bahan digital merupakan salah satu kerangka BBM yang digunakan. Contohnya tayangan video daripada *youtube*, paparan slaid yang menggunakan *power point* dan video hasil daripada akses di internet. Papan putih, buku, modul, gambar rajah dan juga lembaran kerja mudah adalah contoh bahan bukan digital.

Lanjutan daripada isu masa ini juga, ada GPI tampil bersama rakan sejawat untuk membuat kolaborasi dalam menyediakan BBM. Kebanyakannya, bentuk bukan digital merupakan bahan yang disediakan seperti aktiviti yang melibatkan alat permainan atau aktiviti yang memerlukan modul. Selalunya bahan ini cukup mudah disesuaikan untuk digunakan oleh mana-mana guru, kendatipun mengajar mata pelajaran yang berbeza. Berkongsi BBM dalam kalangan guru menunjukkan budaya toleransi, kerjasama dan memberi keyakinan antara rakan. Keserasian yang optimis antara guru ini membawa kepada persekitaran kerja yang lebih kondusif. Rentetan itu, kajian oleh Mohamad Fuad et al. (2015) mengukuhkan bahawa dapatan sikap GPI membina hubungan positif dengan rakan sejawat antara komponen yang memberi keseronokan dalam bekerja. Misalnya, saling berkolaborasi dan tolong-menolong antara satu sama lain.

Berkaitan juga dengan dapatan kajian yang dikendalikan oleh Wan Haslinawati (2022) menunjukkan skor min paling rendah terhadap amalan penggunaan BBM seperti bahan multimedia. Bagi memenuhi waktu yang terhad dengan jadual yang penuh, BBM yang mudah dihasilkan dan lebih menjimatkan masa seperti bahan bercetak menjadi pilihan GPI. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa GPI tidak menghasilkan BBM berdasarkan multimedia. Bertentangan pula hasil kajian ini dengan kajian Yusof et al. (2019) yang menunjukkan bahawa menggunakan BBM seperti teknologi aplikasi mudah alih berasaskan multimedia dapat meningkatkan pembelajaran kendiri dan memendekkan masa proses pembelajaran ketika mempelajari al-Quran.

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran

Berpandukan teori al-Qabisi (1955) permulaan pengajaran mencakupi aspek set induksi. Kemudian diikuti perancangan pengajaran serta merangka objektif pengajaran yang bertepatan. Pengajaran dan pembelajaran merupakan proses yang dimulai dengan sesi yang memberi tarikan akan lebih berkesan dan pengajaran guru yang disampaikan menjadikan murid lebih berminat dan bersedia (Anuar & Nelson 2015). Dapatan kajian menggambarkan set induksi yang memberangsangkan terhadap proses penyampaian ilmu antara murid dan guru dapat membina aspek yang penting seperti komunikasi dan hubungan yang menguntungkan (Misnan

et al. 2017) akan dapat memberi impak yang bermakna (Azwani et al. 2016). Melalui hasil kajian Siti Suhaila (2016) juga menyatakan hal yang serupa dalam pengajaran Pendidikan seks. Setiap majlis ilmu disarankan oleh agama Islam untuk memulakan majlis dengan bacaan doa agar dikurniakan keberkatan. Sehubungan dengan itu, set induksi dapat membantu murid menumpukan perhatian dalam kelas dan mengambil bahagian secara aktif sepanjang sesi pembelajaran. Oleh demikian, murid yang menggunakan set induksi lebih cenderung untuk terlibat dalam kelas dan memberi perhatian yang lebih fokus kepada apa yang mereka pelajari. Topik perbincangan ketika set induksi boleh diperkenalkan dengan merujuk kepada pengetahuan dan pengalaman murid sebelumnya dan boleh menjadi titik permulaan mengenai sesuatu untuk dibincangkan bersama murid.

Amalan pengajaran oleh guru bermula pada awal pengajaran serta berterusan ketika perkembangan pengajaran sehingga sesi penutup pengajaran disudahi dengan pengukuhan dan penilaian dapat dijalankan secara tersusun apabila pengetahuan pedagogi yang mantap dapat dikuasai oleh guru. Pengajaran bertahap juga menunjukkan pendekatan metode untuk melatih guru di mana pengajaran dilakukan dengan cara yang teratur bermula dengan pengenalan, perkembangan terhadap konsep yang berkaitan dengan kandungan dan kesimpulan melalui peneguhan yang disesuaikan dengan murid. Sebagaimana kajian oleh Anuar Ahmad & Nelson (2015) yang menyatakan Pelaksanaan pembelajaran sistematis dan berstruktur menunjukkan ciri-ciri guru berkompetensi yang secara berkala terlibat dalam aktiviti pembelajaran yang sihat, memberi inspirasi dan memotivasi. Seterusnya, PdP merupakan aspek yang terakhir ialah mengenai refleksi dan penilaian. Hasil daripada kajian Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017) serta daripada kajian Zetty Nurzuliana et al. (2015) menunjukkan bahawa GPI menjalankan penilaian kendiri sebelum memulakan setiap pembelajaran bagi meningkatkan pengetahuan dan kebolehan murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru juga harus menerapkan pengajaran dengan teknik yang disarankan termasuk mengadakan sesi penutupan.

Bertepatan juga dengan hasil dapatan kajian Safarina & Norshidah (2018) setiap pelaksanaan pelbagai program mesti difahami dengan jelas dan diselesaikan dengan refleksi oleh guru dan penilaian terhadap murid tidak tercicir dalam menentukan tahap pencapaian.

Selanjutnya apabila menilai keberkesanan sesi kelas yang telah dilaksanakan, guru perlu menekankan beberapa komponen dan ciri penting antaranya tugasan untuk murid harus merangkumi latihan pengukuhan, memberi bimbingan kepada murid untuk membuat rumusan pengajaran, hukum tajwid bersama cara bacaan dan pengukuhan. Murid harus diingatkan dan digalakkan untuk sentiasa membaca al-Quran di mana sahaja mereka berada supaya menjadi motivasi untuk mengelakkan murid terbelakang dan melupakan hukum tajwid al-Quran yang telah dipelajari. Di samping itu, untuk membuat penilaian terhadap tahap kelayakan murid yang dilakukan pada akhir pengajaran merupakan satu proses penaksiran (Norma & Mohd Isa 2020; Sapie Sabilan 2017). Justeru itu, guru akan menyampaikan isi kandungan pembelajaran berdasarkan masa yang diberikan dan mengikuti proses yang sistematik (Anuar & Nelson 2015).

KESIMPULAN

Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam merangkumi aspek persediaan sebelum pengajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar yang menyumbang kepada pengajaran yang lebih efektif. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran oleh guru Pendidikan Islam termasuklah proses set induksi, kemudian perkembangan pengajaran diikuti penutup serta laporan refleksi. Guru Pendidikan Islam perlu memperbetulkan hukum tajwid dan sentiasa memberi penekanan kepada kesalahan hukum tajwid dan makhraj yang betul. Amalan pengajaran yang sesuai sangat penting terhadap kemahiran bacaan al-Quran secara bertajwid untuk memantapkan kualiti dan meningkatkan pencapaian murid. Tajwid al-Quran dapat dikuasai dengan lebih pantas dan tempoh mempelajari tajwid berpotensi untuk menjadi lebih mudah dan dapat dikurangkan tempoh pengajarannya. Sementelahan, minat setiap murid untuk terus belajar tajwid al-Quran akan dapat dipupuk dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai.

RUJUKAN

- Al-Qabisi, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf (1955) *al-risalah al-mufassalah Lil-ahwal al-muta'allimin Wa ahkam al-mu'alimin Wa Muta'alimin*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al- 'Arabiyyah.
- Anuar Ahmad & Nelson, J. 2015. Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2): 1-11.
- Asma Hilmi, Zarima Mohd Zakaria & Ai Fatimah Nur Fuad. 2020. Tahap pengetahuan guru bahasa Arab dalam melaksanakan kelas berbalik. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(3): 50-67.
- Azizah Hamzah. 2010. Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1): 1-10.
- Azmil Hashim. 2015. Pedagogical content knowledge among the teachers of Special Classes of Reading and Memorizing the Quran (KKQ) in Kuala Lumpur. *Journal of Educational and Social Research*, 5 (1 S1): 175-175.
- Azwani Masuwai, Nor'ain Mohd Tajudin & Noor Shah Saad. 2016. Evaluating the face and content validity of a Teaching and Learning Guiding Principles Instrument (TLGPI): A perspective study of malaysian teacher educators. *Malaysian Journal Society and Space*, 12(3): 11-21.
- Bani Hidayat Mohd Shafie& Nor Hayati Fatmi Talib. 2021. Amalan pengajaran dan pembelajaran dan tahap profesionalisme guru kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) JAKIM. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 12(1): 150-159.
- Creswell. J.W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-4. Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Dougherty, K. 2015. Factors that influence college faculty to adopt digital technologies in their practice. *Higher Education in Transformation Conference*, Dublin, Ireland, 307-318. Elhadj.

- Farah Ilyani Zakaria, Mahat Afifi Mohamed Salleh, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. 2015. Kompetensi Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran TQ: Cabaran dalam pembangunan modal insan. *International Conference on Dakwah (ICoD) 2015*, hlm. 376-395.
- Fatahiyah Elias, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak & Maizatul Suraya Muhammad Nor. 2018. Elemen kemahiran insaniah dalam pendekatan berpusatkan pelajar pengajaran akidah sekolah rendah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5 (2): 113- 122.
- Fatimah Abdul Rashid & Hasmadi Hassan. 2019. Analisis perbezaan tahap kesediaan guru terhadap 1Bestarinet dari aspek jantina, bangsa dan usia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 1(6): 31-39.
- Gasaymeh, A. M. 2017. Faculty members' concerns about adopting a Learning Management System (LMS): A developing country perspective. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 13(11): 7527– 7537.
- Ibnu Khaldun. 2009. *Mukadimah Ibnu Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam Fauji, Eni Fariyatul Fahyuni, Abdul Muhid & Zaki Nur Fahmawati. 2020. Implementing child-friendly teaching methods to improve Quran reading ability. *Jurnal Pendidikan Islam*, 6(1): 69-78.
- Jahidah Saili, Nurul Hamimi & Azmil Hashim. 2019. Pengetahuan pedagogi guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran di Lembah Klang. *The Online Journal of Islamic Education*, 7(1): 36-45.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ilias & Mohd. Faeez. 2012. Gaya pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam*. Hlm. 211-223.
- Kamarul Azmi Jasni. 2012 Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian Kualitatif, Kertas kerja dibentangkan di Kursus Pengkajian Kualitatif siri 1 2012 pada 28- 29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Manna al-Qattan. 1999. *Mabahith Fi Ulum al-Quran*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri, Azmil Hashim.2014. Kaedah pengajaran al-Quran sekolah menengah kebangsaan di negeri Perak. *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education IJISAE*, 1: 35-44.
- Misnan Jemali, Azmil Hashim & Ab. Halim. 2017. Latar belakang guru tafhiz dan amalan kaedah pengajaran tafhiz al-Quran di Malaysia. *Online Journal of Islamic Education (OJIE)*, 1(1): 28-39.
- Mohamad Fuad Haji Ishak, Ab. Halim Tamuri, Suhana Mohamed Lip, Sapie Sabilan, Zetty Norzuliana Rashed & Suziana Hanini Sulaiman. 2015. Tahap kepuasan bekerja dari aspek hubungan rakan sekerja dalam kalangan guru. *Jurnal Pendidikan*, 2(1) 62- 78.
- Mohamed Yusoff Mohd Nor, Foziana Jamaludin & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2019. Latihan dalam perkhidmatan: Pengurusan bilik darjah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1): 1-12.
- Mohd Aderi Che Noh, Hasnan Kasan, Yusni Mohamad Yusak & Sri Andayani Mahdi Yusof. 2019. Strategic management of quranic recitation teaching among primary school teachers in Malaysia. *Al-Hayat: Journal of Islamic Education (AJIE)*, 3(1): 1-8.

- Mohd Aderi Che Noh, Nur Hanani Hussin & Ab Halim Tamuri. 2014. The religious practices teaching pedagogy of Islamic Education excellent teachers. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(16): 239-246.
- Mohd Faeez Ilias, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Zetty Nurzuliana Rashed & Muriyah Abdullah. 2016. Sumber bantu mengajar dalam kalangan Guru Pendidikan Islam sekolah Bestari. *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2): 106- 114.
- Mohd Faeez Ilias, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2013. The perception of Islamic Education Teacher on teaching aids in smart school: A pilot study. *Jurnal Teknologi*, 65 (1): 39-43.
- Mohd Syaubari & Ahmad Yunus. 2017. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) menerusi pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan Guru Pendidikan Islam sekolah rendah negeri Perak. *Journal of Islamic Educational Research*, 2(1): 1-14.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. 2018. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen komposisi pengajaran Guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) menerusi pengajaran Akidah. *Jurnal Sains Humanika*, 10(3): 1-8.
- Muhamad, N., Hashim, A., Abdullah, W. H., Kamarul Zaman, M. A., & Zamri, F. A. 2019. Kaedah talaqqi Musyafahah dalam pengajaran al-Quran wa al-Hifz kurikulum dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32): 273-283.
- Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawi & Norhisham Muhamad. 2021. Pelaksanaan amalan pengajaran guru kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dalam pengajaran tajwid al-Quran di negeri Kedah. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 11(1): 40-62.
- Nor Fadilah Nadzri. 2017. Kualiti amalan guru dan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di MRSM. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Ni Made Pebriyanti Lestari, Ni Nyoman Padmadewi, Ni Luh Putu Eka Sulistia Dewi & Luh Putu Artini. 2020. Observed and perceived readiness of English teachers in conducting teaching learning process based on 21st century skills. *International Journal of Language and Literature*, 4(3): 133-139.
- Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah. 2020. Kemahiran Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid: Satu analisa. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3): 1-26.
- Normiati Batjo & Abdul Said Ambotang. 2019. The influence of teacher's teaching towards quality of teachers' teaching. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4 (2): 30-42.
- Nurdin. 2019. Peningkatan kompetensi guru dengan pengkolaborasian media konvensional dan moden aplikasi tajwid di bandar Aceh. *Jurnal Pendidikan dan Ilmu Sosial (JPIS)*, 29(1): 16-33.
- Othman Talib. 2019. *Analisis Data Kualitatif dengan Atlas.ti 8: Penerangan Lengkap Langkah Demi Langkah*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Pandiangan, A. P. B. 2019. *Penelitian Tindakan Kelas (Sebagai Upaya Peningkatan Kualitas Pembelajaran Profesionalisme Guru dan Kompetensi Belajar Siswa.* Yogyakarta: Deepublish.
- Ramdane T. & Souad, M. 2017. Towards a new approach in the of the Holy Quran. *International Journal of Humanities and Social Science*, 7(10): 143–152.
- Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh. 2018. Pelaksanaan jawi, al-Quran, bahasa Arab, fardu ain (j-QAF) dalam program Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal Ortopedagogia*, 4(1): 59-65.
- Sapie Sabilan, Harzita Ismail, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak & Siti Nga'ishah Mohni. 2017. Penilaian aspek konteks dan input berkaitan tahap pencapaian kemahiran bacaan al-Quran berasaskan penggunaan kaedah warna terhadap kelancaran sebutan bertajwid dalam kalangan pelajar-pelajar tahun lima Sekolah Kebangsaan Bukit Besi Dungun, Terengganu. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(2): 20-31.
- Siti Suhaila Ihwani. 2016. Kesediaan amalan Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran elemen pendidikan seks. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sri Andayani Mahdi Yusuf. 2019. Kesediaan dan amalan guru dalam pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sekolah menengah di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Mohd Ab Malek Md Shah, Mohd Harun Shahudin, Shamsol Shafie & Mohamad Hafidz Rahmat. 2018. Aplikasi didik hibur tajwid al-Quran (teroka tajwid): kajian awal persepsi pengguna. *Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)*, 2(1): 1-16.
- Wan Haslinawati Wan Hassan. 2022. Kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran tajwid al-Quran. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusof Hanafi, Nurul Murtadho, M. Alifudin Ikhsan, Tsania Nur Diyana & Achmad Sultoni. 2019. Student's and instructor's perception toward the effectiveness of E-BBQ Enhances al-Quran reading ability. *International Journal of Instruction*, 12(3): 51-68.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan & Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. 2015. Amalan pengajaran guru Tilawah al-Quran: kajian kes di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1): 77-86.